


# Firefox

## Teroka semula Internet



### Tema dan Sambungan



Firefox adalah aplikasi pelayaran laman web atau browser yang paling mudah diubahsuai di dunia ini; anda boleh mengubahsuai Firefox untuk mendapatkan pengalaman terbaik dalam melayari laman web. Pelbagai tema membenarkan pengubahsuai rupa, dan pelbagai sambungan menambahkan ciri-ciri dan fungsi yang lebih canggih.

Komuniti Mozilla Update <<http://addons.mozilla.org>> menawarkan pelbagai tema dan sambungan. Pemasangannya cukup ringkas — pilihlah ciri-ciri yang diingini dan klik install now untuk muat turun dan pemasangan secara automatik.




**GetFirefox.com**  
Muat Turun Percuma

### Berlayar menggunakan Tab

Berlayar menggunakan Tab merupakan ciri yang sungguh hebat untuk melayari laman web dengan lebih cepat dan mudah. Dengan menggunakan hanya satu tetingkap untuk beberapa laman web, anda dapat memastikan Desktop dan Taskbar anda tersusun, dan anda boleh terus membaca sementara menunggu halaman lain dimuat turun di latar belakang.

Antaramuka intuitif dan kekunci singkat memudahkan anda membuka Tab baru dan beralih antara Tab. Untuk membuka Tab yang baru, sila taip **Ctrl+T**, atau klik butang tengah tetikus anda.

### Carian Pintar





Carilah laman web dengan engin carian yang diminati dengan barisan enjin carian yang mudah. Firefox telah dimuatkan dengan beberapa engin carian popular, dengan pilihan untuk menambahkan beratus-ratus engin carian lagi.

**Find as you type (cari sambil taip)** yang digunakan untuk mencari teks di halaman semasa sungguh mudah untuk digunakan. Ketika anda menaip kata carian anda di kotak carian, Firefox akan mewarnakan semua perkataan yang boleh dipadankan dengan kata carian anda secara langsung, dan ini dapat membantu anda mencari apa-apa yang anda mahukan dengan pantas sekali.

### Penghalang Popup

Firefox menghalang iklan popup daripada mengganggu pengalaman anda melayari laman web. Apabila sesbuah laman web cuba membuka iklan popup di tetingkap yang baru, Firefox akan memaklumkannya kepada anda di baris informasi kuning — anda boleh mengendalikannya secara manual atau automatik dengan bantuan Firefox.



### Tanda Halaman Hidup

Tanda Halaman atau Bookmarks adalah seperti Favorites dari Internet Explorer, dan boleh diimport secara automatik selepas Firefox dipasang. **Tanda Halaman Hidup** membenarkan anda melihat dengan sekali imbas berita utama terkini dari laman web di barisan dan menu tanda halaman. Anda boleh melanggan laman-laman web yang menunjukkan butang oren Tanda Halaman Hidup di barisan status di bawah tetingkap.